

Pencemaran bau kimia

JAS Negeri Sembilan serbu tiga kilang di Seremban

Seremban: Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan semalam menyerbu tiga kilang di sini berikutan aduan orang awam berhubung pencemaran bau kimia di kawasan kediaman berhampiran iaitu Taman Paroi Jaya, Taman Panchor Jaya dan Ampangan.

Operasi Bersepadu di tiga kilang di Jalan Pantai-Jelebu itu dilakukan JAS bersama Majlis Perbandaran Nilai (MPN), Majlis Perbandaran Seremban (MPS) serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Mengulas mengenai operasi yang bermula jam 11 pagi sehingga 1 tengah hari itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata serbuan dilakukan susulan risikari sejak beberapa hari lalu.

Katanya, hasil serbuan mendapati tiga kilang di kawasan itu iaitu kilang melebur timah, kilang

kitar semula plastik dan kilang membuat jubin menjadi antara punca utama pencemaran itu.

"Siasatan mendapati kilang melebur timah dan kilang kitar semula plastik beroperasi secara haram dipercayai sejak enam bulan lalu, dan mulai hari ini (semalam) ditahan operasi mengikut Seksyen 38 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Kilang membuat jubin pula didapati melakukan proses menyembur diesel tanpa alat kawalan udara yang mencukupi bagi mengawal pencemaran udara yang dihasilkan.

"Oleh itu, pengusaha kilang terbabit diberikan notis mengikut Seksyen 31 dan 37 akta sama supaya memasang alat kawalan pencemaran udara yang secukupnya dalam tempoh dua minggu," katanya pada sidang media di Wisma Negeri di sini, semalam.

Veerapan turut dibuka terhadap pemilik tanah kilang yang berope-

rasi secara haram mengikut Seksyen 34A akta sama iaitu menjalankan aktiviti premis tanpa mendapat kelulusan laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling (EIA) daripada JAS.

Katanya, jika sabit kesalahan, pemilik premis itu boleh dikenakan denda maksimum RM500,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Dalam perkembangan lain, Veerapan berkata kebakaran hutan di Sumatera yang dipercayai membawa jerebu ke Semenanjung, dikenal pasti antara punca utama kadar pencemaran udara di Negeri Sembilan berada pada tahap serius.

Bagaimanapun, kata beliau, Sesi Libat Urus Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Bersama Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Penyediaan Rancangan Malaysia Ke-12 yang diadakan di sini, kementerian mendapati keadaan masih lagi terkawal berdasarkan pemantauan JAS.



Timbalan Pengarah Operasi JAS Negeri Sembilan, Sivanathiran Subramaniam (kiri) menunjukkan jenis sampel pepejal dari sebuah kilang di Jalan Pantai, Seremban. (Foto Adzlan Sidek /BH)